



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang bertanggungjawab memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara mempelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkekeluargaan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan berikut :

'JAWATAN KOSONG'

PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

➤	Jawatan	:	Pembantu Tadbir (P/O)
➤	Gred Jawatan	:	N19
➤	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan Sokongan
➤	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
➤	Taraf Jawatan	:	Tetap
➤	Jadual Gaji	:	Minimum – RM 1,352.00 Maksimum – RM 4,003.00

Bidang Tugas

1. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemrosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi). Perlaksanaan tugas tertakluk kepada penempatan.

Syarat-syarat Lantikan

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00) ; atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40) ; atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)

Syarat kelayakan Bahasa Melayu

- 3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

- 4. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut :-
 - (a) Telah disahkan dalam perkhidmatan; dan
 - (b) Mempunyai kelayakan di perenggan 2 (c) atau lulus Peperiksaan Khas ;
 - (c) Had umur pelantikan :-
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun